



# Cerapan anak bulan masih diperlukan

**Dr Ahmad Irfan Ikmal Hisham**

*Ketua Program Sains Kemanusiaan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang*

**Ibadah** berpuasa Ramadan difardukan pada tahun kedua hijrah. Berdasarkan tarikh pensyariatan puasa Ramadan, umat Islam hanya sempat mencontohi puasa Nabi SAW selama sembilan tahun seperti dinyatakan dalam Kitab Majmu' karangan Imam al-Nawawi.

Antara contoh teladan ditunjukkan Baginda ialah penentuan awal Ramadan menerusi cerapan anak bulan atau lebih dikenali sebagai rukyah al-hilal.

Hilal antara hasil penampakan bulan selepas melalui fasa peredaran tertentu. Dari pada sudut bahasa, bermaksud lengkungan atau lebih dikenali sebagai anak bulan.

Sistem kalendar hijrah berasaskan peredaran bulan mengelilingi bumi. Bilangan harinya sama ada 29 atau 30 hari dan tidak ditentukan semata-mata penggiliran bulan atau pengiraan ijtimak atau konjungsi seperti diamalkan dalam kalendar lunar Cina, India atau Yahudi.

Dalam Islam, penentuan

awal bulan dilakukan dengan rukyah atau cerapan hilal. Ini berdasarkan mafhum hadis Nabi SAW: Janganlah kamu mula berpuasa melainkan setelah melihat hilal." (HR Bukhari).

Dalam kaedah fiqh, ulama menyatakan sabitan awal bulan ialah kenampakan hilal bukannya kewujudan bulan baharu (setelah ijtimak).

Diriwayatkan dalam athar Ibn Mas'ud RA: "Kami berpuasa bersama-sama Nabi SAW selama 29 hari lebih banyak berbanding 30 hari." (HR Abi Daud).

Ini membuktikan sahabat bersungguh-sungguh melakukan aktiviti cerapan sejak kefarduan puasa, selain petunjuk kepada cantiknya langit di Madinah.

Antara cabaran mence rap anak bulan ialah faktor cuaca. Awan tebal atau kabus di kaki langit kadang-kadang menyukarkan proses cerapan.

Berdasarkan analisis data raya dikumpulkan sejak ilmu astrometri dan falak berkembang, kita boleh menghitung kebolehnampakan anak bulan dengan kriteria tertentu.

Inilah proses digunakan Malaysia sekarang, iaitu kaedah rukyah dan hisab imkan al-rukyah. Proses hisab atau kiraan ini tidak menolak rukyah atau cerapan, bahkan menjadikan kebolehnampakan itu sebagai kriteria asas.

Ini selari hadis Nabi SAW: "Apabila cerapan kamu dihalang awan, maka hitunglah." (HR Bukhari)

Semasa zaman Nabi SAW, kebanyakan umat Islam belum lagi pandai menghitung. Perkembangan ilmu ini, amat digalakkan.

Nabi SAW bersabda: "Kami umat buta huruf yang tidak boleh menulis dan tidak menghitung, satu bulan itu jumlah harinya begini dan begini, iaitu sekali berjumlah 29 dan sekali berikutnya 30 hari." (HR Bukhari)

Ulama khilaf dalam penerimaan hisab dalam penentuan awal bulan. Hujah mereka kerana secara zahirnya, ia tidak selari dengan hadis rukyah.

Ada juga menerima sabitan hilal seperti Imam al-Subki dengan tujuan menafikan dakwaan kenampakan hilal sedangkan secara hisabnya ia mustahil kelihatan.

Ibnu Hajar al-Haithami pula mensyaratkan penerimaan hisab seperti kesepakatan ahli falak, pelaporan yang mutawattir (dipercayai tidak akan bersepakat berdusta) dan kriteria terbukti keberkesanannya.

Tahun ini, cerapan hilal Ramadan dilakukan pada suasana mencabar. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan COVID-19, cerapan hilal dilakukan dengan terkawal.

Hanya 15 tempat di seluruh negara dibenarkan untuk membuat cerapan, sementara bilangan pencerap juga dihadkan tidak melebihi enam orang. Ini bagi memastikan tuntutan fardu kifayah tetap dilaksanakan.